



KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN TANAH JERLUS DI KAWASAN MASJID INDIA, KUALA LUMPUR

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah membantu dalam siasatan bawah permukaan kawasan kejadian tanah jerlus di kawasan Masjid India yang melibatkan seorang wanita warganegara India.

Siasatan JMG telah menggunakan peralatan *Ground Penetration Radar* (GPR) bagi mendapatkan gambaran strata geologi dan sistem utiliti bawah permukaan kawasan kejadian bagi tujuan proses pemulihan menyeluruh oleh pihak bertanggungjawab.

Dari segi geologi, batuan dasar di Kuala Lumpur didasari oleh sejumlah anggaran 30% batu kapur dan 70% terdiri daripada batuan granit dan batuan metasedimen iaitu Formasi Kenny Hill, Syis Hawthornden dan Syis Dinding. Manakala kawasan tanah jerlus adalah didasari oleh batuan syis, filit dan kuarzit Formasi Kenny Hill.

Hasil siasatan pelbagai agensi bertanggungjawab, kejadian tanah jerlus yang berlaku adalah akibat beberapa faktor iaitu faktor antropogenik (aktiviti manusia), cuaca dan juga hakisan lapisan tanah tambak di bawah permukaan. Satu laporan teknikal hasil siasatan berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan akan disediakan oleh kumpulan *Task Force* Struktur Tanah Masjid India yang diterajui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam jangka masa tiga bulan.

Secara am, NRES menegaskan bahawa Kuala Lumpur adalah selamat untuk dihuni. Walau bagaimanapun, pemantapan terhadap aspek pemantauan, penyelenggaraan, prosedur dan kaedah penyiasatan bawah permukaan meliputi struktur binaan bawah tanah dapat mengenal pasti dan mengelak sebarang ancaman tanah jerlus dan lubang benam yang mungkin berlaku.

NRES melalui JMG juga sedang menambahbaik data bawah permukaan kawasan Lembah Klang yang meliputi 10 buah Pihak Berkuasa Tempatan melalui Projek Pemetaan Geologi Sub-permukaan *Greater KL* bagi melengkapkan lagi maklumat sedia ada bawah permukaan Kuala Lumpur yang telah dijalankan di bawah projek 3DKL.

NRES menasihatkan orang awam agar tidak mempercayai sebarang spekulasi yang dikeluarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab mengenai keadaan keselamatan bawah permukaan Kuala Lumpur serta perlu mendapatkan maklumat yang sahih dari pihak berautoriti dalam sebarang kejadian bencana geologi.

NRES juga menegaskan sekiranya terdapat tanda-tanda berlakunya ancaman bencana geologi, orang awam boleh menghubungi JMG atau pihak berkuasa yang berkaitan untuk membuat laporan serta mendapatkan bantuan. JMG akan sentiasa bersedia memberi khidmat kepakaran teknikal bagi penilaian ancaman bencana geologi. Maklumat lanjut serta aduan kepada JMG boleh dilakukan di pautan <https://mygems.jmg.gov.my/apps/aduanbencana>.

Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam usaha pengurangan risiko bencana negara, Jemaah Menteri pada 21 Februari 2024 telah meluluskan secara dasar penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara (PBGN) di mana melalui penubuhan PBGN ini kelak, aspek pengurusan bencana geologi secara bersepadu dapat dipraktikkan oleh semua pihak berkepentingan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 7 SEPTEMBER 2024